

Pertemuan dua hala Dr Mahathir, PM Belanda

New York: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya dari Belanda, Mark Rutte, di luar sesi ke-74 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA).

Perbincangan itu, menurut Menteri Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, adalah pertemuan dua hala antara Malaysia dengan Belanda.

"Kedua-dua negara berusaha mewujudkan kerjasama lebih erat dalam sektor pertanian menggunakan teknologi tinggi untuk membantu pekebun kecil menjadi petani pintar," katanya dalam cipan di Twitter.

Mohamed Azmin berkata, Dr Mahathir juga dijemput melawat Belanda.

"Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte, mengundang Dr Mahathir melawat dan meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara," katanya.

Menteri itu turut melahirkan keyakinan bahawa terdapat potensi ekonomi boleh diusahakan melalui hubungan erat antara kedua-dua negara.

Selain Mohamed Azmin, turut hadir dalam perbincangan itu ialah Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah. BERNAMA



Dr Mahathir bersalaman dengan Rutte sambil disaksikan Saifuddin dan Mohamed Azmin.

(Foto BERNAMA)